SMART SELANGOR

SELANGOR

# PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BULETIN 1/2021

# Serba-Serbi Vaksin COVID-19

Vaksin adalah zat yang berfungsi membentuk kekebalan tubuh terhadap suatu penyakit. Vaksin mengandung kuman atau virus penyebab penyakit, namun dalam versi yang sudah dimatikan atau dilemahkan. Di dalam tubuh, vaksin kemudian menstimulasi sistem imun untuk menghasilkan antibodi.

**Perjalanan vaksin dari formulasi hingga produksi massal. Proses ini bisa memakan waktu berbulan-bulan hingga tahunan:**

1. **Tahap Explorasai**
Pada tahap ini peneliti mengidentifikasi unsur dalam virus yang bisa digunakan untuk melawan penyakit.

2. **Pra-Klinis**
Peneliti melakukan uji coba pada hewan untuk mengetahui respons yang timbul maupun

3. **Uji Klinis**
Uji klinis adalah tahap pengujian vaksin pada manusia. Umumnya uji klinis melalui tiga

4. **Persetujuan**
Regulator akan meninjau hasil uji coba dan jika terbukti aman dan efektif, baru memberikan izin

5. **Produksi**
Vaksin harus melalui quality control yang ketat baik dalam produksi maupun distribusi.



**Vaksin yang tengah dikembangkan di Indonesia:**

**1. Vaksin Sinovac**
(hasil kerja sama PT Biofarma dengan perusahaan farmasi Tiongkok)
Telah melalui uji klinis fase III.
Ridwan Kamil, Gubernur Jawa Barat, menjadi salah satu relawan.

**2. Vaksin Merah Putih**
(hasil kerja sama lintas lembaga di Indonesia) Masih pada tahap eksplorasi.

# COVID-19:
# PENDAFTARAN *VAKSIN*

Golongan dewasa digalakkan mendaftar bermula Mac 2021

Pengambilan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela

Pendaftaran tanda setuju mendapatkan vaksin

## 5 KAEDAH PENDAFTARAN



Menerusi aplikasi MySejahtera




Menerusi laman sesawang Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID19-JKJAV (akan dilancar Perdana Menteri minggu depan)



Talian hotline (nombor akan diumumkan kemudian)




Pendaftaran di klinik & hospital awam serta swasta



MOSTI bekerjasama dengan kerajaan negeri akan daftar penerima vaksin kawasan pedalaman termasuk warga emas

## PROGRAM VAKSINASI

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan menjadi penerima pertama vaksin *Pfizer*, diikuti Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah & seterusnya petugas kesihatan

Vaksin akan diberikan kepada petugas barisan hadapan, anggota kesihatan serta keselamatan bermula bulan ini sehingga April sebelum dibuka kepada orang awam

Diikuti golongan berusia 60 tahun ke atas / OKU / morbiditi (April - Ogos) & golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas (Mei - Feb 2022) di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan tiga fasa

SMART SELANGOR

SELANGOR

# PROGRAM DAN AKTIVITI

http://www2.selangor.gov.my/sabakbernam.php

https://twitter.compdtsbernam

https://facebook.com/pejabat.sabakbernam


BULAN
JANUARI
2021

# LAWATAN KERJA DATO MENTERI BESAR SELANGOR KE BAZAR DORANI PERDANA

11 JANUARI 2021














Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah melakukan lawatan kerja ke Daerah Sabak Bernam bagi merasmikan Bazaar Dorani Perdana yang dibina khusus untuk usahawan setempat.

Bazar ini dibina oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) adalah merupakan usaha bagi membantu para peniaga dan usahawan di sekitar Sabak Bernam.

Bazar yang cantik dan gah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta mempunyai tempat letak kereta yang khusus buat para pengunjung.

# PERASMIAN DATARAN PATRIOTIK

11 JANUARI 2021







Perasmian Dataran Patriotik, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Dato MB Selangor juga sempat beramah mesra bersama penjawat awam ketika perasmian Dataran Patriotik.









# LAWATAN KERJA DATO MB SELANGOR KE SABAK BERNAM

11 JANUARI 2021

Selepas perasmian Dataran Patriotik, Dato MB Selangor telah membuat lawatan ke sawah padi. Lawatan dimulai dengan demo menuai padi menggunakan jentera menuai padi. Beliau juga meneliti penggunaan teknologi seperti Dron untuk pertanian. Kemudian, aktiviti diikuti dengan demo meracun kawasan sawah menggunakan Dron.

Kemudian, beliau dibawa meninjau perusahaan ternakan ayam terletak di parit 9 gambut di mana terdapat 6 juta ayam di Sabak Bernam sahaja.

Lawatan kerja berakhir dengan lawatan ke tapak pembinaan Smart Selangor Pekan Bagan Terap yang menyediakan 25 unit kedai dan 10 gerai beserta kemudahan awam lengkap.












BULAN
FEBRUARI
2021

# SUMBANGAN TUAN DO KE STESEN SEKATAN JALAN RAYA (SJR)











Sumbangan ringan diberikan kepada para petugas Stesen Sekatan Jalan Raya (SJR) di bahagian Nira Sabak, SJR Sungai Besar dan SJR Sekinchan oleh Tuan Amri bin Ismail.

**15 FEBRUARI 2021**

# SANITASI DI MRSM SUNGAI BESAR



SUSULAN DARIPADA WABAK COVID-19 DI MRSM SUNGAI BESAR, PIHAK BOMBA TELAH MELAKUKAN SANITASI AKHIR DI MRSM.

LAWATAN TURUT DIHADIRI OLEH WAKIL PDTSB - ENCIK ZAIN AZMI BAGI MELIHAT KEADAAN SEBENAR DI MRSM

>> 16 FEBRUARI 2021









# FEBRUARI 2021

## 25 FEBRUARI 2021

## PROGRAM PREVENTING OUTBREAK AT IGNITION SITE (POIS) NEGERI SELANGOR KEPADA KILANG DAN SYARIKAT SWASTA DAERAH SABAK BERNAM

Pemeriksaan komuniti Covid-19 dijalankan di Stadium Sungai Besar dengan tumpuan kepada pekerja industri, penjawat awam dan warga daerah di sekitar Sabak Bernam.

Program ini dijalankansecara percuma bermula jam 8 pagi hingga 5 petang bagi membendung penyebaran wabak tersebut.









# LAWATAN D.O DAN PENGHULU KE MUKIM PASIR PANJANG DAN PEJABAT DUN SEKINCHAN

*26 FEBRUARI 2021*




Pada 26 Februari 2021, Tuan Pegawai Daerah dan Penghulu Mukim telah membuat lawatan ke Mukim Pasir Panjang dan Pejabat Dun Sekinchan.



Lawatan dimulai dengan melawat balai penghulu mukim pasir panjang - Tok Penghulu Abdul Latiff bin Mohd Baharuddin. Kemudian, Tuan Pegawai dibawa melihat pantai batu 23 Sungai Nibong, pusat peranginan.



Lawatan berakhir dengan lawatan ke pejabat Dun Sekinchan Yb Ng Suee Lim (speaker Selangor).







# BULAN MAC 2021

# LAWATAN PEGAWAI DAERAH SABAK BERNAM KE BNO DAN BALAI PENGHULU

19 MAC 2021





Lawatan ke Mukim BNO dan Balai Penghulu oleh Pegawai Daerah Sabak Bernam. Sesi lawatan itu berlangsung dengan mengunjungi masyarakat di mukim BNO mengikut SOP dan norma baharu. Sedikit sumbangan juga diberikan kepada penduduk yang memerlukan oleh Pegawai Daerah Sabak Bernam – Tuan Amri bin Ismail.



# MAJLIS PENYAMPAIAN HAKMILIK TANAH BAGAN SEKINCHAN

23 MAC 2021








Majlis Penyerahan Hakmilik Tanah Bagan Sekinchan diadakan di Dewan MPKK Bagan Sekinchan mengikut SOP dan norma baharu.

Majlis penyerahan tersebut turut dihadiri oleh Tuan Pegawai Daerah - Amri bin Ismail.

Hakmilik tanah Bagan Sekinchan disampaikan oleh YB Ng Suee Lim.







JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA

TUAN AMRI BIN ISMAIL,
ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI,
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM,
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD,
ENCIK MUHAMMAD REDZUANN BIN ANUAR,
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL,
PUAN NORDIYANA BINTI ABDUL RANI,
PUAN LAMISAH BINTI MOHD BIBET,
MOHD HISHAMMUDDIN BIN HAJI JAAFAR,
ENCIK HAIZUDDIN BIN KASRAN.

DAN

SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK
YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM
MENJAYAKAN
BULETIN PDTSB BIL.01/2021
(JANUARI HINGGA MAC 2021)